

# Wusyu Dunia: Malaysia tokok emas pada hari terakhir

**KUALA LUMPUR 4 Okt.** - Malaysia menutup kempen Kejohanan Wusyu Dunia dengan bergaya apabila menambah sebutir lagi emas pada hari terakhir di Kazan, Rusia semalam.

Trio wanita, Phoon Eyn, Loh Ying Ting dan Tan Cheong Min berjaya memukau juri dalam saingan duilian (koreografi tempur) apabila mengutip 9.46 mata, sekali gus menghadiahkan emas kedua negara dalam kejohanan itu.

Gandingan Amerika Syarikat, Lucy Lee dan Mia Tian merangkul pingat perak dengan 9.22 mata, manakala Macau membawa pulang gangsa menerusi gandingan Li Yi dan Sou Cho

Man yang mengumpul 9.20 mata.

Malaysia sebelum ini merangkul pingat emas pertamanya dalam saingan jianshu (pedang) lelaki menerusi Wong Weng Son, Isnin lalu.

Kejayaan terbaru trio wanita membolehkan pasukan negara menamatkan kempen di tangga keempat terbaik menerusi dua emas, tiga perak dan tiga gangsa, manakala China muncul juara keseluruhan dengan lapan emas.

Hong Kong menduduki tangga kedua dengan lima emas, tiga perak dan tiga gangsa diikuti Indonesia dengan dua emas, empat perak dan satu gangsa.

UTUSAN MALAYSIA

5/10/2017 p. 31



TRIO Malaysia, Phoon Eyn (kiri), Cheong Min (dua dari kiri) dan Ying Ting (kanan) meraikan kemenangan bersama jurulatih, Lim Yew Fai di Kazan, semalam.